

30,863 dapat semua A

Oleh HISHAM IDRIS
hisham.idris@kosmo.com.my

PUTRAJAYA - Seramai 30,863 daripada 439,456 calon peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) tahun ini memperoleh semua A meningkat 0.65 peratus berbanding 28,188 calon tahun lalu.

Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Abd. Ghafar Mahmud (**gambar**) berkata, pencapaian Gred Purata Nasional (GPN) pada tahun ini 2.74 meningkat berbanding 2.78 tahun lalu.

"Keseluruhannya pencapaian calon PMR tahun 2010 dalam 16 mata pelajaran adalah yang terbaik berbanding tempoh empat tahun lalu," katanya semasa mem-

bentangkan analisis keputusan PMR 2010 di sini semalam.

Pada tahun ini, calon yang mendapat semua E pula menurun kepada 386 orang daripada 397 orang pada tahun lalu.

Abd. Ghafar memberitahu, pencapaian calon bandar dan luar bandar pada tahun ini turut meningkat berdasarkan nilai GPN, pencapaian semua A dan pencapaian melepasi tahap minimum.

"Ini bermakna jurang pencapaian calon luar bandar dan bandar semakin rapat," ujarnya.

Bagi peratus calon luar bandar dan bandar berdasarkan peratusan mendapat


A, Abd. Ghafar berkata, jurang tersebut kian mengecil dengan pencapaian calon luar bandar meningkat sebanyak 0.72

peratus berbanding 0.55 peratus untuk calon bandar.

Sementara itu, bagi prestasi mata pelajaran pula, subjek Sains menunjukkan peningkatan peratusan calon mendapat A tertinggi iaitu 21.7 peratus daripada 438,829 calon berbanding tahun 2009 dengan perbezaan sebanyak 3.2 peratus.

Mata pelajaran lain yang turut menunjukkan peningkatan termasuk Bahasa Malaysia dengan 27.6 peratus calon mencatatkan keputusan A dengan perbezaan sebanyak dua peratus berbanding tahun sebelumnya.

Sementara itu di Wilayah Persekutuan, 1,850 orang daripada 21,612 calon mendapat semua A dalam mata pelajaran yang diduduki dengan Sekolah Menengah Sains Selangor, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Aminuddin Baki dan SMK Agama Kuala Lumpur mencatat kelulusan 100 peratus.



Info Pencapaian PMR 2010

Negeri	Jumlah semua A	Calon keseluruhan
Kuala Lumpur	1,850	21,612
Perak	3,017	41,810
Kedah	1,981	35,909
Kelantan	2,023	36,953
Johor	3,575	53,082
Pulau Pinang	2,103	22,418
Negeri Sembilan	1,482	19,311
Perlis	333	4,494
Terengganu	1,7462	23,630
Melaka	1,137	14,716
Pahang	1,641	26,330
Sabah	734	38,841
Sarawak	1,877	39,575